# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

# KERATAN AKHBAR
# 7 OGOS 2020 (JUMAAT)

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

# KERATAN AKHBAR
# 7 OGOS 2020 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE SUN** |
| **TAJUK BERITA** | Selangor tops in economic growth last year |
| **MUKA SURAT** | 10 |

## Selangor tops in economic growth last year

M/S. 10

**PETALING JAYA:** Seven states in Malaysia posted gross domestic product (GDP) growth at a faster pace than the national level (4.3%) in 2019, with Selangor topping the list at 6.7%. Federal Territory (WP) Kuala Lumpur stood at 6.0%, followed by Kelantan (5.3%), WP Labuan (5.2%) Negri Sembilan (5.1%), Kedah (4.6%) and Perlis (4.6%).

Meanwhile, seven states registered better growth compared with the previous year. There are Kelantan 5.3% (2018: 2.6%), Negri Sembilan 5.1% (4.2%), Kedah 4.6% (4.0%), Perlis 4.6% (3.3%), Pahang 3.7% (3.0%), Terengganu 3.3% (2.5%) and Sarawak 2.5% (2.2%).

An improvement in the agriculture sector, which was reinforced by an increase in production of oil palm activity, rubber and vegetables, and a better performance in services sector contributed to the growth momentum in several states.

Chief Statistician Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said the State Socioeconomic Report 2019 found that the number of graduates in Malaysia increased 6.9% to 5.3 million persons in 2019, from 4.9 million persons in 2018. The graduates labour force participation rate (GLFPR) was 83.5%, a drop from 83.6% in 2018. Selangor and Sabah recorded the highest GLFPR in 2019 at 86.5%, followed by WP Putrajaya 85.9% and Sarawak 85.3%. The lowest GLFPR was posted by Perlis with a rate of 76.1%.

Based on the findings of the Household Income and Basic Amenities Survey, Kuala Lumpur attained the highest median income of RM10,549 followed by Putrajaya (RM9,983), Selangor (RM8,210), Labuan (RM6,726), Johor (RM6,427), Penang (RM6,169) and Malacca (RM6,054).

Meanwhile, a lower rate of unemployment was registered by eight states, among them are Terengganu, Johor, Penang, Sarawak and Putrajaya. Malacca recorded the lowest jobless rate in 2019 at 1.1%.

# KERATAN AKHBAR
# 7 OGOS 2020 (JUMAAT)

| AKHBAR | HARIAN METRO |
|---|---|
| TAJUK BERITA | 81 Projek dah sihat |
| MUKA SURAT | 25 |





AMIRUDIN (tengah) bersama penerima kunci rumah Idaman Warisan di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

## PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI SELANGOR

# 81 PROJEK DAH SIHAT

M/S-25

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

**Shah Alam**

Sebanyak 37 projek perumahan terbengkalai di Selangor yang berada di bawah pemantauan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai Pihak Berkuasa Tempatan menjadi perhatian kerajaan negeri untuk dibaik pulih.

Sehingga Julai lalu, 81 daripada 180 projek perumahan terbengkalai di Selangor dipulihkan sejak 2008.

Ia termasuk kejayaan kerajaan negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor) menyelesaikan penantian 203 pembeli rumah Idaman Warisan di Alam Perdana, Ijok selepas terbengkalai sejak 1999.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, daripada keseluruhan projek terbengkalai itu hanya dua projek menggunakan dana kerajaan negeri untuk dibaik pulih dan ia hanya babitkan infrastruktur.

Katanya, kerajaan negeri bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memantau status setiap projek dan mengemas kini dari semasa ke semasa.

"Kebanyakan pembaikan atau kerja pemulihan ini akan dilakukan kontraktor atau pemaju penyelamat.

"Dalam kes projek Idaman Warisan, ia dibaik pulih konsortium LBS Bina Group Bhd dan Worldwide Holdings Bhd," katanya selepas majlis penyerahan kunci rumah kepada 203 pemilik asal projek Idaman Warisan Shah Alam, semalam.

Usaha memulihkan projek terbengkalai yang dahulunya dikenali sebagai Taman Arcadia itu dimulakan pada September 2016 apabila MBI Selangor menandatangani perjanjian Pemulihan Projek Alam Perdana bersama konsortium antara LBS Bina Group dan Worldwide Holdings.

Amirudin berkata, projek Rumah Idaman Warisan adalah contoh komitmen MBI Selangor dan anak syarikat berkolaborasi dengan pemaju tempatan dalam usaha menyelesaikan isu perumahan rakyat.

"Bagi pemulihan semula kediaman terbengkalai seperti projek Rumah Idaman Warisan ini, ia menelan kos RM38 juta merangkumi kerja pemulihan dan pemberian insentif tambahan menerusi peralatan dan perkakas seperti kabinet, set televisyen dan pendingin hawa.

"Namun kerajaan negeri berjaya menjana semula pendapatan lebih RM500 juta menerusi sistem pengurusan tender secara terbuka dan telus selain cukai tertentu dan caj premium dikenakan kepada pemaju," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 7 OGOS 2020 (JUMAAT)

| AKHBAR | HARIAN METRO |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Nikah ekspres Farouk & Ali |
| MUKA SURAT | 10 |

## warga bangla tok kadi

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

**Shah Alam**

Dengan hanya bermodalkan RM1,000, seorang lelaki Bangladesh boleh menikahi wanita warga tempatan dengan bantuan 'tok kadi' senegaranya yang menawarkan perkhidmatan itu sejak beberapa bulan lalu.

Tindakan terdesak itu hanya digunakan untuk 'menghalalkan' tindakan mereka menetap lebih lama di negara ini selain memudahkan urusan perniagaan yang bakal menggunakan identiti wanita tempatan dinikahinya.

Modus operandi licik itu dikesan dilakukan dua lelaki Bangladesh dikenali sebagai Farouk dan Ali dengan menjadikan sebuah rumah di pangsapuri di Seksyen 25 di sini, sebagai markas.

Difahamkan lokasi itu menjadi tumpuan sindiket beroperasi berikutan kawasan itu didiami ramai warga asing khususnya Bangladesh, Myanmar dan Nepal sejak beberapa tahun lalu.

Berperanan sebagai tok kadi, dua lelaki terbabit menawarkan perkhidmatan mereka kepada rakan senegara yang mahu bernikah dengan wanita tempatan tanpa perlu melalui prosedur ditetapkan pihak berkuasa agama negeri.



SEDUTAN video pernikahan di antara warga Bangladesh dan warga tempatan yang tular di media sosial.

# Nikah ekspres Farouk & Ali

m/s-6

## *Dua dalang sindiket caj RM1,000 jadi tok kadi untuk warga Bangla nikahi wanita tempatan*

Mendedahkan kegiatan itu, Pengerusi Pertubuhan Aduan Masyarakat dan Pengguna Selangor, Datuk Nazilah Idris mendakwa aktiviti tidak bermoral itu dikesan selepas video dan gambar pernikahan itu tular di laman sosial sejak beberapa minggu lalu.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat diterima daripada persatuan penduduk pangsapuri, dua lelaki Bangladesh itu menyewa di sebuah rumah sejak beberapa tahun lalu namun kegiatan nikah ekspres itu disedari, baru-baru ini.

"Biasanya lelaki Bangladesh atau bakal pengantin lelaki ini mencari wanita tempatan berusia untuk dinikahi.

"Mereka anggap taktik itu memudahkan mereka untuk menjalankan perniagaan yang kini tidak boleh dikendalikan warga asing susulan tindakan tegas kerajaan.

"Menerusi pernikahan itu mereka beranggapan hasrat menjalankan perniagaan lebih mudah kerana sudah beristerikan wanita tempatan walaupun tanpa sebarang dokumen pengesahan dikeluarkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais)," katanya kepada Harian Metro.

> *Biasanya lelaki Bangladesh atau bakal pengantin lelaki ini mencari wanita tempatan berusia untuk dinikahi"*
>
> ***Nazilah***

Katanya, wanita warga tempatan diberi nafkah bulanan kerana membenarkan identiti mereka digunakan dalam permohonan lesen.

"Sebarang masalah berkaitan pihak berkuasa tempatan diuruskan si isteri," katanya.

Tambahnya, lelaki warga asing itu menggunakan alasan kedai diusahakan adalah milik isteri sekiranya pemeriksaan lanjut dijalankan.

"Kegiatan nikah pantas ini dikesan giat berlaku selepas pihak berkuasa tempatan (PBT) menyita perniagaan diusahakan warga asing termasuk individu yang menyalahgunakan permit kerja di negara ini," katanya.

Nazilah berkata, tindakan sedemikian perlu dikekang secara menyeluruh kerana ia dikhuatiri akan memesongkan akidah umat Islam kerana pernikahan dijalankan tidak menepati syarat sah seperti ditetapkan.

# KERATAN AKHBAR
# 7 OGOS 2020 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR - starmetro** |
| **TAJUK BERITA** | Starmetro watch |
| **MUKA SURAT** | 2 - starmetro |

## RAISE THE FLAG

Subang Jaya Municipal Council is running the 'Jom Kibar, Terima Kasih Malaysia' campaign until Sept 16 for residential committees and individuals in conjunction with the 63th National Day celebrations. Cash prizes await the residential committee category winners and there will be 50 lucky draw winners from the individual category. Applications close on Aug 26. For details, visit 2ww.mpsj.gov.my or call 03-8026 4462/03-80267401.

## MOBILE COUNTER

Petaling Jaya City Council will be setting up its EZ-Pay mobile counters for tax and compound payments on weekends, from 10am to 3pm. Counters will be located at Jalan SD 12/1, Bandar Sri Damansara from Aug 8 to 9, Jalan SD 2/1G, Bandar Sri Damansara (near STH Auto Services Centre) from Aug 15 to 16, SS24 Taman Megah (near morning market) from Aug 22 to 23 and SS6 Kelana Jaya (in front of old Giant hypermart) from Aug 29 to 30. For details, call 03-7956 3544 ext 101/103/104.

# KERATAN AKHBAR
# 7 OGOS 2020 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR - starmetro** |
| **TAJUK BERITA** | Taman Melawati residents transform Sg Klang Riverbank |
| **MUKA SURAT** | 3 - starmetro |

## Taman Melawati residents transform Sg Klang riverbank

m/s-3



Friends of Sungai Klang Taman Melawati River Three member Nur Balti Abdul Razak helping to set up the Pollinator Garden with specific plants and flowers to attract wildlife. — Photos: SAMUEL ONG/The Star

BEHIND a brightly painted cabin in Taman Melawati, Ampang, flows a pristine Sungai Klang.

This stretch of the river is surrounded by trails, parks, gardens and farms.

The impetus to transform the riverbank was provided by the River of Life Public Outreach Programme (RoL-POP).

After the programme was initiated here in 2012, the community set to work turning the dirty and overlooked riverbank into a thriving site.

Friends of Sungai Klang Taman Melawati River Three (FoSK TMR3) founder Kennedy Michael said rehabilitating rivers was a long-term project.

"Simply organising ad-hoc *gotong-royong* to clean up rivers will not work in the long run. There must also be strong commitment," he said.

Michael is also Society of Greater Eco Melawati (SGEM) deputy chairman. They were one of the first groups of residents to participate in RoL-POP Phase 1 in 2012.

Since then, several core members of the group formed FoSK TMR3 to further transform the riverbank.

The group has set up its own Melawati River Care and Environment Centre by the banks of Sungai Klang, which runs through Taman Melawati, and partnered with several schools to carry out river monitoring activities.

"There were several initiatives in the beginning under RoL-POP, but it began to falter after a while.

"Our aim now with FoSK TMR3 is to transform the riverbank of Sungai Klang into a 'river park,'" said Michael.

He explained that the building of trails, parks, gardens and farms at the banks of these rivers would help change the public's perception that rivers and their banks were a waste-dumping point.

"By making them accessible, we create opportunities to educate and inform the public on the important role that rivers play, allow for public participation and create a sense of ownership to care for the rivers," he added.



The trails, parks, gardens and farms on the banks of Sungai Klang in Taman Melawati have changed public perception towards the river.

> By making them accessible we create opportunities to educate the public on the important role that rivers play and create a sense of ownership.
>
> **Kennedy Michael**



Since 2018, FoSK TMR3 has carried out the longest continuous community *gotong-royong* in Malaysia, currently at 107 weeks and counting.

Each Saturday, members and participants show up at the riverbank to carry out any task needed.

The group has created a Pollinator Garden to attract bees, butterflies and other wildlife, besides a vegetable garden and other ongoing projects.

"It has come to a point where we have people coming in at different times of the week without being prompted," said Michael.

The programme has been replicated at the riverbank between Mid Valley City and Pangsapuri Abdullah Hukum in Kuala Lumpur.

Here, the FoSKL Mid Valley River Three group has had a harder time encouraging the local community to participate in the clean-up.

Syuen Toh, a core member of the group, said it took more than a year before some of the flats' dwellers joined in.

"After we cleared several tonnes of rubbish by the riverbank, several residents started planting a vegetable garden on their own initiative," she said.

# KERATAN AKHBAR
# 7 OGOS 2020 (JUMAAT)

| AKHBAR | BERITA HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Selangor, KL catat pertumbuhan KDNK tertinggi |
| MUKA SURAT | 37 |

# Selangor, KL catat pertumbuhan KDNK tertinggi

M/S-37

**Tujuh** negeri mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melepasi paras nasional tahun lalu pada 4.3 peratus, dengan Selangor mencapai pertumbuhan tertinggi sebanyak 6.7 peratus diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 6 peratus.

Lima negeri lain yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi melebihi paras nasional pada 2019 adalah Kelantan (5.3 peratus), Wilayah Persekutuan Labuan (5.2 peratus) Negeri Sembilan (5.1 peratus), Kedah (4.6 peratus) dan Perlis (4.6 peratus).

Sementara itu, tujuh negeri merekodkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik berbanding tahun sebelumnya, iaitu Kelantan 5.3 peratus (2018: 2.6 peratus), Negeri Sembilan 5.1 peratus (2018: 4.2 peratus), Kedah 4.6 peratus (2018: 4 peratus), Perlis 4.6 peratus (2018: 3.3 peratus), Pahang 3.7 peratus (2018: 3 peratus), Terengganu 3.3 peratus (2018: 2.5 peratus) dan Sarawak 2.5 peratus (2018: 2.2 peratus).

Pemulihan prestasi sektor pertanian yang didorong peningkatan pengeluaran bagi aktiviti kelapa sawit, getah dan tanaman sayuran serta pertumbuhan lebih baik bagi sektor perkhidmatan memberi kelebihan kepada momentum pertumbuhan di beberapa negeri berkenaan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata maklumat ekonomi dan sosial yang diintegrasikan akan memberi input bermanfaat kepada penggubal dasar negeri dan penyelidik untuk merangka pelan pembangunan dan hala tuju negeri masing-masing.

"Pada masa sama, kajian penyusunan profil KDNK mengikut daerah sedang dibangunkan oleh Jabatan. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) bakal menyediakan penanda aras untuk membekalkan statistik sosioekonomi terpenting antaranya demografi penduduk, aktiviti ekonomi serta pekerjaan pada peringkat terkecil seperti daerah dan mukim.

"Ketepatan data yang diperoleh daripada Banci 2020 akan memberikan input signifikan kepada penyusunan KDNK daerah.

"Justeru, amat penting bagi semua pihak agar dapat bersama menjayakan Banci 2020 bagi menjamin kualiti maklumat yang akan digunakan dalam penyusunan KDNK daerah dan statistik sosioekonomi berasaskan kawasan geografi," katanya dalam satu kenyataan.

# KERATAN AKHBAR
# 7 OGOS 2020 (JUMAAT)

| AKHBAR | BERITA HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Selangor baik pulih 37 projek rumah terbengkalai |
| MUKA SURAT | 39 |

# Selangor baik pulih 37 projek rumah terbengkalai

m/s 39

## Kerajaan negeri, PBT pantau situasi

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

**Sebanyak** 37 projek perumahan terbengkalai di Selangor yang kini berada di bawah pemantauan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai Pihak Berkuasa Tempatan sedang menjadi perhatian kerajaan negeri untuk dibaik pulih.

Sehingga Julai lalu, 81 daripada 180 projek perumahan terbengkalai di Selangor berjaya dipulihkan sejak 2008.

Ia termasuk kejayaan kerajaan negeri, melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor) menyelesaikan penantian 203 pembeli rumah Idaman Warisan di Alam Perdana, Ijok, selepas terbengkalai sejak 1999.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata daripada keseluruhan projek terbengkalai itu, hanya dua projek menggunakan dana kerajaan negeri untuk dibaik pulih dan ia hanya babitkan infrastruktur.

Katanya, kerajaan negeri bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memantau status setiap projek dan mengemas kini dari semasa ke semasa.

"Kebanyakan pembaikan atau kerja pemulihan ini akan dilakukan oleh kontraktor atau pemaju penyelamat. Dalam kes projek terbengkalai Idaman Warisan, ia dibaik pulih konsortium antara pemaju LBS Bina Group Bhd dan Worldwide Holdings Bhd," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan kunci rumah kepada 203 pemilik asal projek Idaman Warisan Shah Alam, semalam.

Usaha memulihkan projek terbengkalai yang dahulunya dikenali sebagai Taman Arcadia itu dimulakan pada September 2016 apabila MBI Selangor menandatangani perjanjian Pemulihan Projek Alam Perdana bersama konsortium di antara LBS Bina Group dan Worldwide Holdings.

Mengulas lanjut Amirudin berkata, penyerahan kunci itu membuktikan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan rakyat menerima pulangan yang baik hasil perkongsian strategik serta tadbir urus korporat yang cekap.



*Amirudin Shari*

"Dalam perjanjian pemulihan asal, rumah ini pada mulanya akan diserahkan tanpa perabot dan kelengkapan elektrik sama seperti projek perumahan lain.

"Namun pada tahun lalu, saya mengumumkan pemberian perabot dan kelengkapan elektrik sebagai insentif kepada pemilik yang menunggu sekian lama mendapatkan rumah mereka," katanya.